

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12/10/2009

Parti kaum India perlu diterima ke dalam BN – Tun Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 11 Okt. – Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan sudah tiba masanya untuk parti-parti kaum India yang menyokong kerajaan dari luar Barisan Nasional (BN) diterima masuk sebagai anggota komponen BN.

Bekas Perdana Menteri berkata, ini termasuk menerima keanggotaan Parti Makkal Sakti Malaysia (MMSP) yang dilancarkan Datuk Seri Najib Tun Razak semalam kerana ia langkah penting bagi mengukuhkan sokongan kaum India kepada BN.

“Saya fikir masa sudah tiba untuk terima parti-parti kaum India ini ke

dalam BN kerana MIC yang mewakili kaum tersebut sudah tidak lagi berpengaruh di kalangan masyarakat India.

“Kita kena ingat walau satu undi sekali pun ia boleh menentukan menang atau kalah BN dalam pilihan raya,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka UMNO Cawangan Pusat Bandar Taman Cempaka dekat sini hari ini.

Hadir sama isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Ketua UMNO Cawangan Pusat Bandar Taman Cempaka, Syed Saifuddin Syed

Harman.

Selain MMSP, terdapat beberapa lagi parti kaum India termasuk masyarakat India Muslim yang menyokong kerajaan tetapi belum diterima sebagai komponen BN.

Antaranya Parti India Bersatu Malaysia (MIUP), Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) dan Parti Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF).

Mengenai luahan Timbalan Presiden MIC, Datuk G. Palanivel yang membangkitkan kenyataan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra yang pernah menyebut “jika terdapat hanya seorang sahaja yang menjadi

anggota MIC sekali pun, saya tetap akan berbincang hanya dengan MIC”, Dr. Mahathir berkata: “Kalau tinggal Samy Vellu (Datuk Seri) seorang sahaja bermakna, ada satu undi sahajalah. Macam mana nak menang pilihan raya.

“Itu kita kena fahamlah, dalam ucapan tentu ada diselitkan unsur retorik. Tapi bukanlah itu maksudnya. Yang penting mereka kena dapatkan sokongan, baru boleh menang.”

Sementara itu, mengulas perkembangan dalam MCA, Dr. Mahathir berkata, adalah wajar untuk kedua-dua pemimpin yang terlibat iaitu

Datuk Seri Ong Tee Keat dan Datuk Seri Dr. Cha Soi Lek berundur.

Katanya, mereka perlu memberi laluan kepada pemimpin baru yang boleh diterima dan menyatukan fraksi yang ada untuk memastikan MCA kukuh dan mendapat sokongan masyarakat Cina termasuk di luar parti itu.

“Apa yang penting mesej yang disampaikan daripada keputusan mesyuarat agung luar biasa semalam perlu benar-benar difahami pemimpin MCA. Saya lihat mereka (perwakilan) mahu pemimpin yang tidak tercemar,” ujarnya.

um-12/10/2009